

KEDIDI TIMUR
Eastern Curlew

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Numenius madagascariensis*

CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa menyerupai spesies Kedidi Kendi, *N.arquata*, tetapi ia mempunyai saiz yang lebih besar serta bahagian paruh yang lebih panjang dan lebih jelas kelihatan. Bahagian bawah badan berwarna coklat dan lebih pudar. Semasa terbang, kelihatan bahagian hujung bulu yang berwarna kemerahan serta bahagian belakang dan atas tongkeng yang berwarna coklat kekelabuan serta jalur-jalur gelap pada bahagian bawah pangkal sayap. Individu ini mempunyai bahagian kaki yang berwarna kelabu kebiruan. Semasa musim membiak, individu dewasa mempunyai bahagian hujung bulu pada bahagian atas badan dan bahagian belakang hingga bahagian atas ekor berwarna merah cerah manakala bahagian sisi kepala dan tengkuk berwarna kemerahan. Individu ini mempunyai bahagian bawah badan yang lebih cerah pada bahagian hujung bulu.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz 60-66 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Beting lumpur dan beting pasir.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *coor-ee*, menyerupai Kedidi Kendi, *N.arquata*, tetapi bunyi yang dikeluarkan adalah lebih setara dan mendayu. Semasa dalam keadaan terancam, ia mengeluarkan bunyi *ker-ee ker-ee* atau *carr-eeir carr-eeir* serta bunyi bergetar yang tinggi.

STATUS

Akta 76/72, Diperlindungi.